

Tune Hotels rancang buka 100 hotel

U.M 21/06/08 M/S 21

Oleh ARIF NIZAM ABDULLAH

SEPANG 20 Jun - Pengendali hotel bajet, Tune Hotels Sdn. Bhd. (Tune Hotels), merancang membuka 100 buah hotel dalam tempoh tiga tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mark Lankester berkata, pembukaan rangkaian hotel itu tidak dihadkan hanya di Malaysia tetapi syarikat juga merancang untuk melakukannya di beberapa negara di rantau ini.

Menurut beliau, Tune Hotels akan memulakan pembinaan hotel di Bali iaitu di Kuta dan Legian dalam masa terdekat.

"Selain itu, kami juga merancang akan membuka rangkaian hotel di Thailand seperti Bangkok, Phuket dan Pattaya.

"Sementara di Filipina, kami merancang untuk membukanya di Manila," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pecah tanah Tune.Hotels.com LCCT di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Kanan Operasi Malaysia Airports Holding Bhd. (MAHB), Datuk Azmi Murad dan Pengerusi Tune Hotels, Datuk Seri Kalimullah Hassan dan Pengarah Tune Hotel, Datuk Seri Tony Fernandez.

Tapak hotel bajet itu terletak berhampiran Terminal Syarikat Penerbangan Tambang Murah (LCCT).

Menurut Lankester, bagi perancangan di negara ini, Tune Hotels berhasrat mengembangkan rangkaiannya di Miri, Ipoh, Penang dan Johor Bahru.

Hotel pertama Tune Hotels yang terletak di Jalan Tuanku Abdul Rahman telah dilancarkan pada Mei tahun lalu manakala hotel keduanya yang terletak di 1 Borneo Lifestyle Hypermall di Kota Kinabalu dibuka April lalu.

Menurut beliau, kadar penginapan di kedua-dua buah hotelnya itu kini mencatat kadar penginapan sebanyak 95 peratus pada hari biasa dan 100 peratus pada hujung minggu.

Sementara itu, Lankester berkata, syarikat telah melabur RM20 juta bagi pembinaan Tune.Hotels.com LCCT yang dijangka memulakan operasi awal tahun depan.

Menurutnya, hotel setinggi enam tingkat



LAKARAN Tune.Hotels.com LCCT oleh artis yang dijangka memulakan operasinya pada awal tahun depan.

dan memiliki 222 bilik itu menyediakan khidmat penginapan bagi pengguna LCCT yang dijangka mencecah 20 juta pada masa depan.

"Kami menjanjikan penginapan lima bintang pada harga satu bintang bagi memberi pengalaman menarik kepada para pelanggan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azmi berkata, jumlah keseluruhan lalu lintas penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) meningkat antara tujuh dan lapan peratus bagi tempoh April dan

Mei tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Jelas beliau, bilangan penumpang di LCCT turut mencatatkan peningkatan sebanyak 30 peratus.

"Bagi suku ketiga ini, penumpang telah merancang perjalanan mereka. Jika berlaku kelembapan pun, ia mungkin berlaku dalam suku keempat," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, lapangan terbang domestik dijangka tidak berlaku kelembapan jumlah lalu lintas.